

Tidak akan gadai nasib rakyat

BH 2/5/86

Oleh **AHMAD FUAD ONAH**

JITRA, Khamis — Kerajaan Barisan Nasional yang bertanggungjawab terhadap rakyatnya tidak akan menggadaikan nasib masa depan negara **semata-mata** untuk **memenangi pilihanraya**, tegas Datuk Seri **Dr Mahathir Mohamad**.

Perdana Menteri merangkap Presiden Umno berkata, kerajaan BN tidak mahu menjadi popular dan disukai ramai dengan menggunakan cara-cara yang tidak bertanggungjawab bagi mendapatkan sokongan rakyat.

"Kita tidak mahu orang suka pada kita dengan cara kita menyogok wang kepada rakyat. Kita tak mahu buat janji kalau menang akan memberi sesuatu, sedangkan janji itu, kalau ditunai akan merosakkan negara.

"Kalaupun kedudukan kita jadi bahaya kerana tidak melayan tuntutan itu, terpaksalah kita hadapi bahaya itu kerana yang pertama dan utama ialah kepentingan negara dan kepentingan rakyat keseluruhannya," tegas beliau ketika merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu, di sini hari ini.

Pelbagai ugutan

Dalam hubungan ini, Datuk Seri Dr Mahathir yang juga ketua bahagian itu, kesal pada waktu kerajaan akan menghadapi pilihanraya lima tahun sekali, antara sekarang hingga April depan, ada setengah-setengah pihak yang membuat pelbagai tuntutan dan ugutan.

"Mereka berpendapat pada waktu ini kalau nak tuntutan atau ugut apa pun daripada kerajaan, boleh tuntutan dan kerajaan terpaksa layan. Kalau tak layan mereka tidak akan sokong.

"Kalau kerajaan tidak bertanggungjawab, dengan mudah kita boleh setuju. Kalau minta duit kita boleh beri, tetapi kita sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, tidak boleh menggunakan cara itu untuk mencari kemenangan," ujarnya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak bo-

leh menjadikan negara **ini** barikrap **semata-mata** hendak menang pilihanraya.

"Pada waktu **kita** menghadapi kelembapan ekonomi sekarang, kerajaan terpaksa **menghadapi** masalah yang dihadapi oleh negara. **Semua** pihak terpaksa mengikat perut sedikit dan berjimat **cermat**.

"**Saya** percaya **kebanyakan** rakyat, **sama ada** yang **membuat tuntutan** atau **tidak**, sedar **hakikat ini** dan mereka sebenarnya tidak mahu **menekan** kerajaan sewaktu kerajaan kesempitan.

"Tetapi **ada** orang yang sengaja menyucuk mereka untuk kepentingan diri sendiri. Inilah yang menjadi masalah dalam negara **kita**," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir **juga** mendedahkan adanya usaha pihak-pihak yang mahu **memastikan** kerajaan BN tidak mendapat **majoriti** dan pertiga kerusi dalam pilihanraya umum akan datang.

Beliau **menganggap** orang yang memiliki

hasrat itu tidak suka negara **ini aman dan** tidak suka pembangunan negara berjalan **lancar**.

"Mereka **ini** berminat kepada kuasa politik, tetapi tidak berani masuk gelanggang politik dan **cuba** meraih kuasa politik dengan **berkempen** di luar **partt politik**.

"Mereka beranggapan kononnya **kalah** kerajaan BN terlalu kuat, **kita** akan **membela** kangkan segala usaha baik," **ujarnya**.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan **memerlukan** kemenangan besar melebihi dua **per-tiga** majoriti bukan kerana **ia** tamak kuasa, **te-tapi** untuk **menentukan** pembangunan negara tidak **terancam** oleh **pembangkang**.

"Kalau menang dengan bilangan kerusi tidak melebihi 50 peratus, **kita** masih boleh **membentuk** kerajaan, tetapi kerajaan itu akan lemah dan boleh dijatuhkan dengan **mudah** kalau **parti-parti** lain tidak menyokong dasar yang **di-buat**," jelasnya.
